

## **SISTEM MERIT UNTUK KELAYAKAN MENGINAP DI KOLEJ**

Kolej menyediakan kemudahan penginapan yang selamat dan kondusif untuk pelajar. Selain itu, kolej juga berperanan menyediakan perkhidmatan, didikan bimbingan dan kaunseling yang menjurus kepada kecemerlangan akademik, pembangunan sahsiah dan kepemimpinan pelajar melalui aktiviti yang dianjurkan oleh pelajar ataupun secara anjuran bersama dengan pentadbiran kolej, fakulti dan universiti.

Sehubungan itu, semua pelajar digalakkan melibatkan diri dalam aktiviti yang telah dirancang secara tersusun dan berjadual (kalendar aktiviti) pada setiap sesi kemasukan pelajar untuk mendapatkan jumlah merit yang ditetapkan supaya layak untuk terus menginap di kolej pada sesi pengajian seterusnya. Melalui sistem ini persaingan yang sihat dapat dipertingkatkan di kalangan pelajar dalam melibatkan diri dengan aktiviti di kolej yang menjurus kepada penghasilan graduan yang berkualiti dan berdaya saing .

Justeru itu, semua pelajar yang telah melibatkan diri dalam aktiviti mestilah merekod penglibatan mereka dalam Buku Rekod Aktiviti Pelajar yang diberikan kepada pelajar semasa mereka mula mendaftar sebagai pelajar baharu di UPM.

### **KRITERIA KELAYAKAN MENGINAP**

Bagi syarat-syarat untuk melayakkan diri untuk menginap di kolej kediaman adalah seperti berikut :

1. Merujuk kepada pelajar yang mendaftar di Universiti Putra Malaysia sahaja.
2. Melibatkan diri dalam aktiviti yang diluluskan oleh pihak Universiti sahaja.
3. Mempunyai rekod penglibatan dalam aktiviti yang lengkap dan telah disahkan sahaja di dalam Buku Rekod Aktiviti Pelajar.
4. Mencapai jumlah merit kelayakan menginap yang mencukupi seperti mana yang ditetapkan oleh pihak Universiti.
5. Berdasarkan kepada kekosongan bilik dan budi bicara Pengetua dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal.Pelajar dan Alumni).
6. Semua merit yang diperolehi tidak akan diambil kira sekiranya buku rekod ini tidak dapat dikemukakan apabila dikehendaki oleh pihak yang berkenaan atas alasan hilang dan sebagainya. Buku rekod ini adalah tanggungjawab pelajar.